

TEKS UCAPAN ALUAN

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Shahrin Bin Sahib

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

FPTT Day 2017

9 Mei 2017 (Selasa), 8.25 pagi,

FPTT Kampus Bandar

Terima kasih kepada Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Salam 1 UTeM

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

Y.Bhg Prof. Madya Dr Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid,
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan,

Y.Bhg. Prof Dr. Salleh bin Yahya
Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan

Timbalan-Timbalan Dekan FPTT, Timbalan Pengarah PPK,
Pensyarah-pensyarah FPTT,
dan seterusnya pelajar- pelajar dan para hadirin sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan kurnia dan izin-Nya dapatlah kita sama-sama berhimpun dan bertemu dalam **Program FPTT Fiesta Day 2017.**

2. Program tahunan anjuran (FPTT) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Keusahawanan (PPK) dan Technology Management Association (TeMAN).
3. **Tujuan penganjuran** : untuk mengetengahkan bakat-bakat c mahasiswa mahasiswi FPTT yang dapat membentuk jati diri dan haluan masa depan.
4. Antara bakat yang dicungkil melalui program ini adalah:
 - a. **Bakat keusahawanan** menerusi Program Tekno Fest anjuran PPK dan dijayakan oleh pensyarah yang mengajar matapelajaran Teknousahawanan dan pelajar Tahun 1.

- b. **Bakat sukan pelajar** yang dicungkil menerusi perlawanan Futsal dan Badminton Piala FPTT yang telah berlangsung pada 6&7 May yang lalu.
- c. **Bakat kebudayaan**, menerusi pertandingan Talent Show dan pertandingan ‘Misi mencari Cikgu Murni dan Cikgu Shaari’ dianjurkan sebagai kesinambungan Program Dress To Be Addressed yang diadakan pada akhir bulan April yang lalu dan bersempena bulan May sebagai bulan pendidik.
- d. **Bakat seni kreatif** pelajar melalui Program Doodle Art Wall yang bakal diadakan hujung minggu ini. Program ini bertujuan untuk pelajar berkarya secara positif dan kreatif di dinding ruangan bilik kuliah di samping mengurus tekanan sebelum menghadapi peperiksaan akhir.

KEPENTINGAN BAKAT.

5. Pasaran kerja di masa hadapan tidak hanya bergantung kepada kecemerlangan akademik semata. Kebolehpasaran graduan juga bergantung kepada sahsiah diri serta bakat dan kemahiran.
6. Bakat umpama mutiara yang terpendam. Ia perlu dicungkil, digilap dan dihargai bagi menampakkan diri graduan yang sebenar.
7. Program FPTT Fiesta 2017 adalah platform bagi pelajar serta bakal graduan mencungkil serta menggilap kebolehan dan kemahiran yang ada untuk kebaikan bersama.

8. Program dan aktiviti diluar bilik kuliah sebegini dapat membantu membina keyakinan diri serta meningkatkan kemahiran mengadaptasi disamping membentuk jatidiri.
9. Mengajar pengurusan masa tanpa melupakan keperluan akademik. Ia juga memberikan pendedahan dalam kemahiran merancang, menyelesaikan cabaran, kebolehan berkomunikasi, kerjasama dan pelbagai *softskills* lain.
10. Kesannya, daya fikir yang kreatif dan inovatif mampu dibentuk, bertepatan dengan hasrat KPT dan UTeM sendiri untuk melahirkan insan penyambung legasi kepimpinan Negara yang bersifat holistik, berdaya saing dan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang.

KEPENTIANGAN MUAFAKAT

11. Pepatah bistari, “**pisang sesikat, gulai sebelanga**”, tanda muafakat bersama-sama, jelas dapat diterjemahkan menerusi penganjuran FPTT Fiesta Day.
12. Ini dapat dilihat apabila permuafakatan berlaku di kalangan pensyarah dan pelajar FPPT dalam menjayakan Program Fiesta, di samping mengalu-alukan PTj lain yang berada sama di Kampus Bandar turut serta sebagai juri pertandingan.
13. Kerjasama dan koordinasi seperti ini membentuk budaya kampus dan persekitaran pembelajaran yang sihat, positif dan produktif.
14. Permuafakatan sebegini dilihat sebagai satu tanda positif untuk mencapai kolaborasi dan transformasi yang lebih

berimpak tinggi selain memberi laluan kepada perkongsian idea bagi memacu proses pembelajaran warga kampus lebih maju ke hadapan.

Penutup

15. Saya doakan setiap aktiviti yang dirancang rapi oleh AJK program dapat dilaksanakan dengan jayanya dan memberikan impak yang bermanfaat kepada mahasiswa/i.
16. Oleh itu, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Program FPTT Fiesta Day 2017. Sekian, terima kasih.